

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]

SOALAN NO. 448

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah skim/incentif yang sedia ada untuk menyokong majikan yang memberi peluang pekerjaan kepada warga emas dan OKU.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Kerajaan amat menggalakkan majikan untuk mengajikan OKU dengan menyediakan skim/incentif sebagai sokongan terhadap majikan yang memberi peluang pekerjaan kepada OKU seperti berikut:

- 1. Potongan Berganda iaitu Potongan bagi Menggaji OKU dan Potongan Bagi Cukai Latihan yang diluluskan.**
a. Potongan bagi Menggaji Orang Kurang Upaya (Rules 1982) / Potongan Tambahan atau Lanjutan (P.U(A)73/1982):

Contoh Pengiraan:

- Pendapatan Bulanan Seorang OKU RM 1000.00
- Pendapatan Setahun RM12,000.00 (RM1,000.00 x 12 Bulan)
- Potongan Cukai Berganda RM 24,000.00 (RM12,000.00 x 2)

- b. Potongan Berganda (*Double Deduction*) P.U.(A) 61/1992 Cukai pendapatan (Potongan bagi Latihan Yang Diluluskan) dan P.U.(A) 111 Cukai Pendapatan (Potongan bagi Latihan Yang Diluluskan)(Perubahan) Undang - Undang 1995:**

laitu potongan dua kali ganda amaun apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam latihan mana-mana OKU.

- Berdaftar dengan Jabatan kebajikan Masyarakat
- Bukan merupakan seorang pekerja syarikat itu di bawah:
 - ✓ Program Latihan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan di mana ianya dijalankan di Malaysia; atau
 - ✓ Program latihan yang dikendalikan oleh institut latihan dan tujuan program latihan adalah untuk meningkatkan prospek kerjaya OKU tersebut.

- 2. Potongan Tunggal/Khas iaitu pengubahsuaian bangunan atau keperluan alat sokongan OKU-Sub-Sek 34(6)(e) ITA 1967:**

laitu amaun yang sama dengan jumlah perbelanjaan kepada penyediaan apa-apa kelengkapan yang perlu untuk membantu mana-mana OKU yang bekerja dengannya.

3. Program OKU *Talent Enhancement* (Skim OTEP) di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) telah menawarkan bantuan/insentif kewangan kepada majikan yang menyediakan program latihan yang bersesuaian kepada Orang Kurang Upaya (OKU) untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka memasuki alam pekerjaan. Majikan perlu berdaftar dengan HRDF.

- Program latihan yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kepada keperluan majikan.
- Bantuan kewangan yang dibenarkan di bawah OTEP adalah seperti berikut:
 - (i) Yuran kursus
 - (ii) Kos alat bantuan latihan
 - (iii) Bahan latihan guna habis; dan
 - (iv) Elaun bulanan untuk setiap pelatih OKU

4. Program Perkhidmatan *Job Coach* di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat menawarkan sokongan pekerjaan kepada OKU melalui *Job Coach*. Syarikat yang berhasrat untuk mengambil OKU bekerja tidak perlu menanggung kos perkhidmatan *Job Coach* kerana Elaun Perkhidmatan *Job Coach* di tanggung oleh Jabatan.

Manakala bagi warga emas pula, pihak kerajaan telah memperkenalkan inisiatif berikut bagi menyokong penyertaan warga emas dan majikan dalam sektor pekerjaan:

1. Program Penggalakan Pekerjaan Kepada Warga Emas

Bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan berumur 60 tahun ke atas, caruman mandatori KWSP bagi majikan telah dikurangkan daripada enam peratus kepada empat peratus mulai 1 Januari 2019. Manakala bagi golongan pekerja ini pula tidak perlu mencarum, maka pendapatan boleh guna mereka akan meningkat. Potongan cukai tambahan juga diberikan kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian golongan ini dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan. Langkah ini adalah

SOALAN NO. 448

bagi menggalakkan syarikat mengambil semula golongan ini, terutamanya B40 untuk terus bekerja.